

Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBN No. (A)400-14/4450/(8-9)

Tarikh: 22 Julai 2003

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah
Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan Negeri Sabah, Kota Kinabalu
Pengarah Unit Permodenan Tadbiran Malayaisa (MAMPU), Kota Kinabalu
Setiausaha Kumpulan Wang Pencen Balu-Balu dan Anak Yatim Sabah

Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 4 TAHUN 2003
KAEDAH PENGHANTARAN DISKET SISVOT KE KAUNTER JABATAN BENDAHARI NEGERI
SABAH, BENDAHARI DAERAH DAN JABATAN MENGAKAUN SENDIRI**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk:-

- 1.1 Menguatkuasakan kaedah penghantaran disket SISVOT ke kaunter pejabat pembayar.
- 1.2 Meningkatkan keselamatan data SISVOT yang dihantar melalui disket.

2. TARIKH PELAKSANAAN

- 2.1 Kaedah penghantaran ini hendaklah dilaksanakan bermula pada **1 Ogos 2003**.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

Penghantaran disket SISVOT ke pejabat pembayar hendaklah dilakukan seperti berikut:

- Melabel Dengan Jelas Disket SISVOT
- Disket perlu dilabel dengan rujukan baru pada setiap penghantaran
- Menggunakan Sampul Surat Tertutup
- Cop Jabatan / Alamat
- Disket SISVOT Dihantar Oleh Pegawai Yang Dibenarkan Sahaja

Sekiranya tindakan tidak dibuat seperti di para 3, Pejabat Pembayar berhak untuk menolak disket SISVOT tersebut.

4. PENGHANTARAN BAUCAR DAN DISKET KE JABATAN MENGAKAUN SENDIRI

4.1 Bagi Jabatan-Jabatan dibawah kawalan Jabatan Mengakaun Sendiri, prosedur penghantaran baucar dan disket hendaklah dirujuk kepada Surat Jabatan ini rujukan JBNS No. (A)100-43/4405/132 bertarikh 22 Julai 2003.

5. PENUTUP

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai kaedah penghantaran disket SISVOT ke kaunter pejabat pembayar, sila berhubung dengan Seksyen Pembangunan Sistem Maklumat Dan Perakaunan (SPSMP), Jabatan Bendahari Negeri Sabah melalui nombor telefon 088-257111 sambungan 3120 atau 3139.

Sekian, harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"
"BERJIMAT DAN MENABUNG AMALAN MULIA"



(DATUK PHILIP N.K. CHIU)
Bendahari Negeri

s.k. Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah
Kota Kinabalu